

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

RAYUAN MAL NO : 11500-037-00XX-20XX

ANTARA

**XXPPOO BIN MEME
KP : 000333-11-57XX**

PERAYU

DENGAN

**LILIAH BINTI KOH
KP : 444666-11-50XX**

RESPONDEN

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BESUT
DI BESUT
DI NEGERI TERENGGANU**

PERMOHONAN NO : 11001-037-08XX-20XX

ANTARA

**XXPPOO BIN MEME
KP : 000333-11-57XX**

PERAYU

DENGAN

**LILIAH BINTI KOH
KP : 444666-11-50XX**

RESPONDEN

**DI HADAPAN YANG ARIF,
TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,
DI KUALA TERENGGANU**

PADA HARI RABU, 00 SYAABAN 14XXH,
BERSAMAAN 00 MAC 20XX.

ALASAN PENGHAKIMAN

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini dipanggil untuk keputusan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Perayu XXPPOO BIN MEME, KP : 000333-11-57XX bersama-sama dengan peguam syarienya, Puan Wan Nor Syazwana Binti Wan Abd Rahim Tetuan Haji Mohd Zaki Zainal Abidin di alamat Lot 1458, Jalan Dato' Lundang, 15200 Kota Bharu, Kelantan dengan kehadiran Responden LILIAH BINTI KOH, KP: 444666-11-50XX hadir bersama Peguam Syarie, Puan Wan Sabariah Binti Wan Ismail dari Tetuan Rita Maisurah & Associates beralamat No. 264 A Jalan Padang, (Sebelah Sekolah Kebangsaan Kampung Raja), 22200 Kampung Raja, Besut, Terengganu Darul Iman. Setelah Mahkamah meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan dan hujahan bertulis pihak-pihak, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

FAKTA KES

Perayu, XXPPOO BIN MEME dalam kes ini adalah Penghutang Penghakiman bagi **kes Saman Penghutang Penghakiman, Permohonan No.: 11001-037-08XX-20XX** (selepas ini akan disebut sebagai "**Kes SPP tersebut**"). Perayu juga adalah merupakan Defendan di dalam **kes Tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan Kes Saman No.: 11001-049-01XX-20XX** (selepas ini akan disebut sebagai "**Kes Hutang Dalam Perkahwinan tersebut**") yang telah difailkan oleh Responden pada 00

Februari 20XX. Pada 00 **Disember 20XX**, Perayu telah memfailkan Notis Rayuan bagi **Kes SPP tersebut** terhadap bekas isterinya iaitu Responden, LILIAH BINTI KOH. Perayu dan Responden telah **berkahwin pada 10 September 2001** dan telah **bercerai kali kedua dengan kebenaran Mahkamah pada 14 Februari 2016**. Aturan kes yang melibatkan Perayu dan Responden berkaitan dengan perkara hutang dalam perkahwinan adalah sebagaimana berikut:

BIL	TARIKH PEMFAILAN	TAJUK DAN NOMBOR KES	DIFAILKAN OLEH
1.	25 Februari 20XX	11001-049-01XX-20XX <i>Kes Tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan</i>	Responden <i>(Pemiutang Pengkakiman)</i>
2.	30 September 20XX	11001-037-08XX-20XX <i>Kes Saman Penghutang Pengkakiman</i>	Responden <i>(Pemiutang Pengkakiman)</i>
3.	30 Disember 20XX	15000-037-00XX-20XX <i>Rayuan kepada Kes Saman Penghutang Pengkakiman</i>	Perayu <i>(Penghutang Pengkakiman)</i>

Kes Rayuan ini adalah merupakan rayuan kepada Perintah bagi **Kes SPP tersebut**. Perintah Hakim Bicara bagi **Kes SPP tersebut** adalah sebagaimana berikut:

1. **SAYA LULUSKAN** Permohonan Saman Penghutang Penghakiman oleh Pemiutang Penghakiman, LILIAH BINTI KOH KP: 444666-11-50XX terhadap Penghutang Penghakiman, XXPPOO BIN MEME KP:000333-11-57XX.
2. **SAYA SABIT** bahawa jumlah tunggakan hutang dalam perkahwinan adalah sebanyak **RM 80,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu Sahaja).
3. **SAYA PERINTAH** Penghutang Penghakiman, XXPPOO BIN MEME KP: 000333-11-57XX hendaklah membayar tunggakan hutang di para 2 sebagaimana berikut:
 - 3.1 Sebanyak RM 30,000 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja) hendaklah dibayar ansuran sebanyak enam (6) kali iaitu RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) sebulan bermula Januari 20XX sehingga Jun 20XX dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 28 haribulan setiap bulan.
 - 3.2 Baki RM 50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja) hendaklah dibayar secara ansuran sebanyak RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) sebulan bermula Julai 20XX sehingga selesai keseluruhan jumlah tunggakan tersebut dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 28 hari bulan setiap bulan.
 - 3.3 Bayaran pada para 3.1 dan 3.2 hendaklah dibuat secara terus ke akaun Pemiutang Penghakiman, LILIAH BINTI KOH KP: 444666-11-50XX sepertimana berikut:

Nama Bank : Maybank

No Akaun : 333444555666
4. **SAYA PERINTAH** kos ditanggung pihak-pihak.

Berdasarkan kepada **Perintah bagi Kes Hutang Dalam Perkahwinan**, Mahkamah mendapati bahawa keputusan tersebut diperolehi menerusi persetujuan bersama antara Perayu dan Responden. Dalam Perintah Hutang Perkahwinan tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. *SAYA PERINTAHKAN atas persetujuan bersama pihak-pihak, bahawa Defendan XXPPOO BIN MEME (K/P: 000333-11-57XX) hendaklah menjelaskan kesemua hutang dalam perkahwinan berjumlah RM 80,000.00 kepada Plaintif diselesaikan pada atau sebelum 30/9/20XX. Kesemua bayaran tersebut hendaklah dimasukkan ke akaun milik Plaintif.*

Nama : LILIAH BINTI KOH

Nama Bank : Malayan Banking Berhad

No. Akaun : 333444555666

2. *Saya perintah atas persetujuan bersama, bayaran tersebut hendaklah dimasukkan terus ke akaun Plaintif seperti berikut.*

Nama : LILIAH BINTI KOH

Nama Bank : Malayan Banking Berhad

No. Akaun : 333444555666

Mahkamah mendapati bahawa Perintah bagi Kes **Hutang Dalam Perkahwinan** tersebut telah putus pada **00 Mac 20XX**.

Terdapat **lapan (8) Alasan Rayuan Perayu** dalam kes di hadapan Mahkamah ini sebagaimana yang dimasukkan dalam Rekod Rayuan pada halaman 44 hingga 46. Alasan Rayuan Perayu adalah sebagaimana berikut:

2. *Perayu adalah tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat berdasarkan alasan-alasan dan hujah-hujah berikut:*

- i) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam membuat keputusan tanpa meneliti bahawa yang lebih utama adalah wang ganjaran pencen telah habis digunakan sepenuhnya untuk pembinaan rumah pihak Perayu dan pembinaan rumah tersebut bermula bulan September 20XX serta tidak dapat daripada mengelak pembayaran ke atas pemaju. Malahan sehingga sekarang rumah tersebut masih belum siap sepenuhnya.*
- ii) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dengan membuat keputusan tanpa meneliti secara mendalam secara fakta dan siasatan mengenai kemampuan sebenar pihak Perayu sedangkan pihak kami telah memfailkan secara bukti-bukti melalui ikatan dokumen berserta ikatan dokumen tambahan. Malahan pihak Mahkamah juga telah membuat keputusan tanpa melihat kemampuan Perayu yang sudah mempunyai tanggungan lain dengan isteri baru.*
- iii) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dengan membuat keputusan Perayu dikehendaki membayar RM 5,000.00 setiap bulan selama enam (6) bulan sedangkan pihak Perayu hanya mempunyai pendapatan daripada pencen bulanan sebanyak RM 2,572.98 dan pencen bersih pula sebanyak RM 36.25 sebulan dan tiada pendapatan sampingan yang lain. Bayaran RM*

5,000.00 setiap bulan tersebut amat membebankan pihak Perayu kerana Jumlah tersebut melebihi pencen bulanan yang diterima oleh pihak Perayu.

- iv) Tuan Hakim Bicara adalah *khilaf dari segi fakta dan undang-undang dengan membuat keputusan bahawa pihak Perayu masih mempunyai wang baki Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Mahkamah tidak meneliti secara mendalam perihal wang LTAT masih wujud atau tidak semasa keterangan pihak Perayu diambil* sedangkan pihak Peguam Syarie pihak Perayu tidak mempunyai akses untuk bertanya secara mendalam semasa keterangan Perayu diambil.
- v) Tuan Hakim Bicara adalah *khilaf dalam meneliti secara mendalam sebab-sebab Perayu tidak membuat bayaran tunggakan hutang perkahwinan sebanyak RM80,000 semasa mengambil keterangan pihak Perayu berserta dengan Afidavit Jawapan yang dikemukakan kepada Mahkamah Yang Mulia ini.*
- vi) Tuan Hakim Bicara adalah *khilaf dengan membuat keputusan tanpa mengira kesungguhan Perayu untuk menjelaskan wang tunggakan hutang perkahwinan sebanyak RM 80,000 kepada Responden dengan cara menjual rumah di Gertak Seratus, Kuala Besut.*
- vii) Tuan Hakim Bicara adalah *khilaf dengan membuat keputusan tanpa siasatan secara teliti dari segi fakta sebenar mengenai isu rumah Gertak Seratus, Kuala Besut dan sebab mengapa pihak Perayu menyewa di Taman Makmur, Ketereh, Kelantan sedangkan pihak Responden sebelum ini telah menguasai sepenuhnya ke atas rumah di Gertak Seratus tersebut.*

viii) Tuan Hakim Bicara adalah *khilaf dalam membuat keputusan bahawa pihak Perayu boleh menikmati bayaran sewa rumah Kg Gertak Seratus Kuala Besut dan mampu membayar baki hutang sebanyak RM 1,000.00 sebulan dan pihak Mahkamah tidak mengambil keterangan perihal ini secara mendalam sedangkan duit rumah sewa sebelum ini telah dinikmati sepenuhnya oleh pihak Responden dan apabila pihak Perayu mengambil alih rumah tersebut, tiada penyewa sehingga ke hari ini. Perkara ini tidak diteliti oleh Mahkamah.*

ISU KES

Berdasarkan kepada Alasan Rayuan dan Hujahan Bertulis Perayu, Mahkamah mendapati bahawa terdapat **satu (1) isu** yang perlu diulas oleh Mahkamah dalam rayuan ini iaitu:

ISU : Sama ada Hakim Bicara terkhilaf atau tidak dalam mempertimbangkan kemampuan Perayu bagi keputusan yang dibuat berkaitan cara pembayaran hutang dalam perkahwinan bagi Kes SPP tersebut.

Suatu Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah selagi mana tidak dibatalkan oleh Mahkamah lain yang berbidang kuasa, maka pihak-pihak adalah terikat dan wajib mematuhi. Firman Allah SWT dalam surah *An-Nisa'*, ayat 59 ada menyebut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”*

Mahkamah merujuk kepada kes *Samiah Yasmin Binti Abd Kadir lwn. Muhammad Taufik Bin Mohd Noor*, JH 28, Bhg. 1, 1430H, 2009M, hlm. 95, pada perenggan bernombor 17 ada menyatakan bahawa:

17. Ahli Tafsir mentafsirkan Ulil Amri termasuk para Umara', Ulama dan Hakim yang dilantik oleh Umara'. Al-Mawardi mengatakan wajib orang Muslimin mentaati Hakim dalam perkara bukan maksiat, kerana sesungguhnya apabila umat Islam telah membai'ahkan Imam/ Khalifah, maka wajib taat kepadanya dalam semua perkara.

Oleh itu, Mahkamah berpandangan bahawa Perintah yang diputuskan oleh Hakim adalah perlu dituruti dan menjadi satu amanah yang mesti dipatuhi. Mahkamah juga merujuk kepada Firman Allah SWT dalam surah *An-Nisa'*, ayat 58 yang menyebut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Bermaksud: *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah*

dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

Hukum melambatkan atau menangguhkan pembayaran hutang bagi mereka yang berkemampuan adalah haram. Perkara ini adalah seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ وَإِذَا أَتْبَعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ

Maksudnya: “Menangguh pembayaran (hutang) bagi orang yang mampu adalah kezaliman, jika salah seorang dari kamu memindahkan hutang itu pada orang yang kaya, maka terimalah ia (pemindahan hutang).”

Riwayat al-Bukhari (2287) dan Muslim (1564)

Selain itu, Rasulullah ada bersabda bahawa:

إِنَّا خِيَارُكُمْ أَحْسَنُكُمْ قِضَاءً

Bermaksud: “Manusia yang terbaik ialah manusia yang terbaik membayar hutangnya.”

Sahih al-Bukhari (2392)

Mahkamah merujuk kepada seksyen 176, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 ada memperuntukkan sebagaimana berikut:

Seksyen 176. Permohonan untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman.

(1) Jika penghakiman Mahkamah adalah untuk mendapatkan pembayaran wang, pemiutang penghakiman yang berhak menguatkuasakan penghakiman itu boleh menghendaki penghutang penghakiman yang bertanggung di bawah penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman itu dan untuk mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu.

(2) Sesuatu permohonan meminta kehadiran seseorang penghutang penghakiman di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu permintaan dalam Borang MS 42 yang ditandatangani oleh pemohon atau Peguam Syarienya.

(3) Jika suatu penghakiman telah diberikan terhadap dua orang atau lebih, pemiutang penghakiman boleh menghendaki saman penghutang penghakiman dikeluarkan terhadap setiap orang atau mana-mana orang yang bertanggung di bawah penghakiman itu.

Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada **seksyen 177, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001**, ada memperuntukkan bahawa:

Seksyen 177. Mengeluarkan saman penghutang penghakiman.

(1) Apabila menerima suatu permohonan di bawah seksyen 176, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman penghutang penghakiman dalam Borang MS 43.

(2) *Sesuatunya saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu.*

Tambahan pula, **seksyen 178, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** ada memperuntukkan sebagaimana berikut:

Seksyen 178. Pemeriksaan penghutang penghakiman.

(1) *Pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman penghutang penghakiman, Mahkamah boleh memeriksa penghutang penghakiman itu dan saksi-saksi lain dengan iqrar.*

(2) *Jika penghutang penghakiman tidak hadir pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman itu, Mahkamah boleh-*

(a) *memerintahkan supaya dia ditangkap dan dibawa ke hadapan Mahkamah untuk diperiksa; atau*

(b) *membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3) terhadap penghutang penghakiman itu.*

(3) *Mahkamah boleh memerintahkan penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman itu sama ada-*

(a) *sekali gus dengan serta merta atau dalam apa-apa masa yang ditetapkan oleh Mahkamah; atau*

(b) *melalui apa-apa ansuran yang hendaklah dibayar pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah.*

Peruntukan bagi **seksyen 176, 177 dan 178** di atas adalah menunjukkan prosiding bagi kes Saman Penghutang Penghakiman. Kes di hadapan Mahkamah ini adalah kes rayuan terhadap kes Saman Penghutang Penghakiman yang mana adalah merujuk kepada **seksyen 176, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** yang mana Pemiutang Penghakiman (Responden) dalam kes ini ingin mendapatkan pembayaran wang, yang menghendaki Penghutang Penghakiman (Perayu) yang bertanggung di bawah penghakiman supaya hadir ke Mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman serta mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu.

Ini membawa maksud bahawa dalam mana-mana kes Saman Penghutang Penghakiman, menurut peruntukan dalam **seksyen 176, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** di atas, Hakim Bicara perlu memeriksa secara lisan berkaitan dengan keupayaan Penghutang Penghakiman untuk membayar atau menyelesaikan hutang penghakimannya kepada Pemiutang Penghakiman.

Manakala, seksyen 177, subseksyen (1) memperuntukkan bahawa saman hendaklah dikeluarkan dalam Borang MS 43. Bagi subseksyen (2) pula, ada memperuntukkan bahawa saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu.

Seterusnya, bagi seksyen 178 adalah berkaitan pemeriksaan penghutang penghakiman. Subseksyen (1), secara umumnya memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh memeriksa penghutang penghakiman itu serta saksi-saksi lain pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran kes Saman Penghutang Penghakiman. Subseksyen (2)(a)(b) pula memperuntukkan bahawa sekiranya penghutang tidak hadir pada hari yang ditetapkan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya penghutang ditangkap dan dibawakan ke hadapan Mahkamah untuk diperiksa atau membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3) terhadap penghutang penghakiman.

Subseksyen 3(a)(b) pula adalah subseksyen yang memperuntukkan perihal cara pembayaran penghutang penghakiman tersebut iaitu dua (2) cara pembayaran. **Pertama**, secara **sekali gus dengan serta merta atau masa-masa yang ditetapkan oleh Mahkamah** atau, cara **kedua iaitu melalui apa-apa ansuran yang hendaklah dibayar pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah.**

Bagi kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati bahawa pihak-pihak telah menandatangani Perjanjian Persetujuan dan Hakim bagi **Kes Hutang Dalam Perkahwinan tersebut** telah membuat Perintah atas persetujuan bersama yang telah dicapai oleh Perayu dan Responden. Perintah tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. *SAYA PERINTAHKAN atas persetujuan bersama pihak-pihak, bahawa Defendan XXPPOO BIN MEME (K/P: 000333-11-57XX) hendaklah menjelaskan kesemua hutang dalam perkahwinan berjumlah RM*

80,000.00 kepada Plaintiff diselesaikan pada atau sebelum 30/9/20XX.

Kesemua bayaran tersebut hendaklah dimasukkan ke akaun milik Plaintiff.

Responden dalam keterangannya, pada **halaman 12, baris ke-29**, Nota Keterangan dalam Rekod Rayuan ada mendakwa bahawa, *“Dulu setuju bulan 9 sebab Penghutang Penghakiman dapat bayaran pencen. Penghutang Penghakiman ada duit untuk bayar.”* Keterangan tersebut dibuat merujuk kepada Perintah bagi Kes Hutang Perkahwinan yang dinyatakan di atas yang menunjukkan persetujuan oleh Perayu membayar **sejumlah hutang iaitu sebanyak RM 80,000.00 kepada Responden pada atau sebelum 30 September 20XX.**

Mahkamah berpendapat bahawa mana-mana perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah adalah satu perintah yang hendaklah dipatuhi oleh pihak-pihak. Begitu juga dengan perintah-perintah yang berkaitan dengan kes antara Perayu dan Responden sama ada perintah bagi Kes Tuntutan Hutang Perkahwinan ataupun Kes Saman Penghutang Penghakiman.

Tambahan pula, jumlah **RM 80,000.00** yang perlu dibayar oleh Perayu (Penghutang Penghakiman) kepada Responden (Pemiutang Penghakiman) adalah tidak dipertikaikan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Mahkamah berpendapat bahawa pengakuan Perayu (Penghutang Penghakiman) sudah memadai untuk dijadikan *qarinah* bagi mesabitkan bahawa wujudnya hutang Perayu terhadap Responden dalam tempoh perkahwinan. Oleh yang demikian, Mahkamah

berpendapat bahawa Perayu tidak pernah dalam mana-mana pembelaan mahupun keterangan menafikan tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan.

Mahkamah merujuk kepada **Rekod Rayuan pada halaman 44 dan 45** iaitu **Alasan Rayuan**. Alasan Rayuan pada **perenggan bernombor 2 (i) (v)** adalah sebagaimana berikut:

2. Perayu adalah tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat berdasarkan alasan-alasan dan hujah-hujah berikut:

- i) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam membuat keputusan tanpa meneliti bahawa yang lebih utama adalah wang ganjaran pencen telah habis digunakan sepenuhnya untuk pembinaan rumah pihak Perayu dan pembinaan rumah tersebut bermula bulan September 2019 serta tidak dapat daripada mengelak pembayaran ke atas pemaju. Malahan sehingga sekarang rumah tersebut masih belum siap sepenuhnya.*
- ii)*
- iii)*
- iv)*
- v) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dalam meneliti secara mendalam sebab-sebab Perayu tidak membuat bayaran tunggakan hutang perkahwinan sebanyak RM80,000 semasa mengambil keterangan pihak Perayu berserta dengan Afidavit Jawapan yang dikemukakan kepada Mahkamah Yang Mulia ini.*

Berdasarkan kepada Alasan Rayuan Perayu di atas, Penghutang Penghakiman (Perayu) menyatakan Wang Ganjaran Perkhidmatan tersebut telah habis digunakan sepenuhnya untuk pembinaan rumah di **Kadok, Kota Bharu, Kelantan** dan ianya menjadi punca kegagalannya dalam membuat bayaran bagi Hutang Dalam Perkahwinannya terhadap Pemiutang Penghakiman (Responden).

Mahkamah berpendapat bahawa, Penghutang Penghakiman (Perayu) sewajarnya melangsaikan hutangnya terlebih dahulu sebelum bercadang untuk perkara-perkara lain memandangkan persetujuan bersama telah dicapai sebagaimana **Perintah dalam Kes Hutang Dalam Perkahwinan, Kes Saman No.: 11001-049-01XX-20XX**.

Mahkamah juga berpendapat bahawa Penghutang Penghakiman (Perayu) sepatutnya membuat pembayaran bagi Hutang Dalam Perkahwinannya kepada Pemiutang Penghakiman (Responden) setelah mempunyai kemampuan untuk membayarkan iaitu apabila Penghutang Penghakiman (Perayu) mendapat bayaran bagi **Ganjaran Perkhidmatan Pesara ATM** (selepas ini akan disebut sebagai "**Wang Ganjaran Perkhidmatan tersebut**") pada **16 Ogos 2019**.

Mahkamah merujuk kepada **Rekod Rayuan pada halaman 48 dan 49** iaitu **Surat daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bertarikh 29 November 2019**. Berdasarkan **Rekod Rayuan** tersebut, Mahkamah mendapati bahawa Penghutang Penghakiman (Perayu) telah tamat tempoh perkhidmatan pada **04 Ogos 2019**. Selain itu, Mahkamah juga merujuk kepada **Surat Kewangan dan Akaun Veteran** (selepas ini akan disebut sebagai "**Surat Kewangan Tersebut**") bertarikh **21 November 2019**

pada halaman 47, Rekod Rayuan. Berdasarkan kepada Surat Kewangan tersebut, Mahkamah mendapati bahawa sebanyak RM 112,631.53 bayaran Ganjaran Perkhidmatan Pesara ATM telah dimasukkan ke dalam akaun Penghutang Penghakiman (Perayu). Bayaran tersebut dimasukkan pada 16 Ogos 2019 iaitu dalam tempoh yang diperintahkan oleh Mahkamah untuk Penghutang Penghakiman (Perayu) membayar sejumlah RM80,000.00 hutang dalam perkahwinannya kepada Responden. Namun, Perayu gagal berbuat sedemikian. Oleh yang demikian, dalam kes rayuan dihadapan Mahkamah ini, Mahkamah berpendapat bahawa Penghutang Penghakiman (Perayu) adalah berkemampuan untuk melunaskan Hutang Dalam Perkahwinan kepada Penghutang Perkahwinan (Responden) tersebut memandangkan Penghutang Penghakiman (Perayu) telah menerima Wang Ganjaran Pencen. Perkara yang ingin ditegaskan di sini adalah perihal melunaskan hutang adalah perkara penting yang perlu diutamakan oleh Perayu berbanding hal-hal yang lain.

Seterusnya, Mahkamah meneliti berkaitan dengan isu cara pembayaran yang dibangkitkan oleh Penghutang Penghakiman (Perayu) dalam Alasan Rayuannya (*perenggan bernombor 2 (ii)(iii)(vii)(viii)*) yang dikatakan sebagai membebankan Perayu. Isu cara pembayaran ini adalah merujuk kepada perintah bagi Kes Saman Penghutang Penghakiman pada perenggan bernombor 3.1 dan 3.2. Alasan Rayuan bagi perenggan bernombor 2 (ii)(iii)(vii)(viii) pada halaman 45 dan 46 Rekod Rayuan adalah sebagaimana berikut:

2.

i)

- ii) Tuan Hakim Bicara adalah **khilaf dengan membuat keputusan tanpa meneliti secara mendalam secara fakta dan siasatan mengenai kemampuan sebenar pihak Perayu** sedangkan pihak kami telah memfailkan secara bukti-bukti melalui ikatan dokumen berserta ikatan dokumen tambahan. Malahan pihak Mahkamah juga telah membuat keputusan tanpa melihat kemampuan Perayu yang sudah mempunyai tanggungan lain dengan isteri baru.
- iii) Tuan Hakim Bicara adalah **khilaf dengan membuat keputusan Perayu dikehendaki membayar RM 5,000.00 setiap bulan selama enam (6) bulan** sedangkan pihak Perayu hanya mempunyai pendapatan daripada pencen bulanan sebanyak RM 2,572.98 dan pencen bersih pula sebanyak RM 36.25 sebulan dan tiada pendapatan sampingan yang lain. Bayaran RM 5,000.00 setiap bulan tersebut amat membebankan pihak Perayu kerana Jumlah tersebut melebihi pencen bulanan yang diterima oleh pihak Perayu.
- iv)
- v)
- vi)
- vii) Tuan Hakim Bicara adalah **khilaf dengan membuat keputusan tanpa siasatan secara teliti dari segi fakta sebenar mengenai isu rumah Gertak Seratus, Kuala Besut** dan sebab mengapa pihak Perayu menyewa di No. 123, Taman Makmur, Ketereh, Kelantan sedangkan pihak Responden sebelum ini telah menguasai sepenuhnya ke atas rumah di Gertak Seratus tersebut.
- viii) Tuan Hakim Bicara adalah **khilaf dalam membuat keputusan bahawa pihak Perayu boleh menikmati bayaran sewa rumah Kg Gertak Seratus Kuala Besut dan mampu membayar baki hutang**

sebanyak RM 1,000.00 sebulan dan pihak Mahkamah tidak mengambil keterangan perihal ini secara mendalam sedangkan duit rumah sewa sebelum ini telah dinikmati sepenuhnya oleh pihak Responden dan apabila pihak Perayu mengambil alih rumah tersebut, tiada penyewa sehingga ke hari ini. Perkara ini tidak diteliti oleh Mahkamah.

Manakala, Perintah Kes Saman Penghutang Penghakiman bagi **perenggan bernombor 3.1 dan 3.2** adalah sebagaimana berikut:

1.

2.

3. **SAYA PERINTAH** Penghutang Penghakiman, XXPPOO BIN MEME KP: 000333-11-57XX hendaklah membayar tunggakan hutang di para 2 sebagaimana berikut:

3.1 **Sebanyak RM 30,000 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja) hendaklah dibayar ansuran sebanyak enam (6) kali iaitu RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) sebulan bermula Januari 20XX sehingga Jun 20XX dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 28 haribulan setiap bulan.**

3.2 **Baki RM 50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja) hendaklah dibayar secara ansuran sebanyak RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) sebulan bermula Julai 20XX sehingga selesai keseluruhan jumlah tunggakan tersebut dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 28 hari bulan setiap bulan.**

3.3

4.

Alasan Rayuan yang dibangkitkan oleh Penghutang Penghakiman (Perayu) sebagaimana dalam Rekod Rayuan yang dinyatakan sebagaimana di atas, adalah berkaitan dengan kemampuan, pendapatan bulanan Penghutang Penghakiman (Perayu) serta isu bayaran sewaan rumah di Kg. Gertak Seratus Kuala Besut milik Penghutang Penghakiman (Perayu).

Mahkamah berpendapat bahawa beban untuk membuktikan kemampuan bukan sahaja semata-mata terletak pada semakan kemampuan oleh Hakim Bicara, tetapi Penghutang Penghakiman (Perayu) juga sepatutnya memainkan peranan yang lebih untuk membuktikan keupayaannya dalam pembayaran hutang tersebut.

Bagi menjawab Alasan Rayuan yang dikemukakan oleh Penghutang Penghakiman (Perayu), Mahkamah merujuk kepada **Rekod Rayuan pada halaman 12 hingga 19 iaitu Nota Keterangan**. Setelah meneliti Nota Keterangan Hakim Bicara dalam Rekod Rayuan tersebut, Mahkamah mendapati bahawa sepatutnya, siasatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam **seksyen 176, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** iaitu *"...diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman itu dan untuk mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu"*, telah dibuat oleh Hakim Bicara, namun ianya perlu dibuat secara lebih mendalam lagi. Mahkamah berpandangan bahawa beberapa perkara perlu diperiksa atau disiasat dengan lebih lanjut iaitu berkaitan kemampuan dan pendapatan atau sumber

kewangan yang lain oleh Penghutang Penghakiman (Perayu) selain daripada pencen bulanan juga berkaitan dengan isu bayaran sewa rumah di Kg. Gertak Seratus Kuala Besut.

Mahkamah merujuk kepada **Rekod Rayuan pada halaman 17 dan 18** iaitu Nota Keterangan, yang dinyatakan sebagaimana di bawah:

Penghutang Penghakiman : *Saya akui ada terima ganjaran tetapi saya buat rumah saya di Kg Kadok. Asal nak buat lebih besar tetapi duit tidak cukup.*

Saya cadang hendak menjual rumah di Kg. Gertak Seratus. Sekarang saya nak baiki. Saya jumpa broker di Kuala Besut. Dia ada mencari orang nak beli.

Saya pencen RM 2979.00. Potong rumah dan bayar nafkah anak.

Nafkah isteri Baru RM 200.00 sebulan. Ansuran kereta baru RM 920.00. Beli pampers anak dan belanja dapur RM 322.68. Saya sewa rumah sebelum rumah siap RM 350.00. Bayar bil utiliti RM 30.30. Baki duit saya RM 36.25.

Mahkamah : *Pemiutang Penghakiman merujuk Ikatan Dokumen (senarai perbelanjaan) yang ditender.*

Penghutang Penghakiman : *Saya tiada pendapatan lain. Dapat ganjaran LTAT RM 60,000.00. Dah ambil RM 14,000.00. Potong bunga RM 37,000.00.*

Mahkamah : *Apa maksud bunga RM 37,000.00?*

Penghutang Penghakiman : *(sebut proses-proses LTAT)*

Mahkamah : *(Seolah-olah tidak jelaskan kenapa perlu bayar bunga RM 37,000.00) dan Penghutang Penghakiman tidak menyebut jumlah baki yang ada.*

Penghutang Penghakiman : Berdasarkan duit saya RM 36.25 sebulan, setakat itu saya boleh bayar dan saya setuju bayar paling tinggi RM 160.00 sebulan dengan pendapatan saya. Itu sahaja. Tiada keterangan lain.

Pemiutang Penghakiman mohon untuk memberi keterangan lagi.

Mahkamah : Benarkan

Pemiutang Penghakiman : Saya baru dapat tahu semalam bahawa Penghutang Penghakiman ada kedai jual pakaian kanak-kanak di Kota Bharu.

Mahkamah : Pemiutang Penghakiman menunjukkan gambar kedai yang dikatakan milik Penghutang Penghakiman.

Penghutang Penghakiman : Kedai itu bukan milik saya tetapi hak milik isteri saya.

Peguam Syarie Penghutang Penghakiman : Saya bantah sebab gambar tersebut tidak ditender di peringkat awal. Tiada dalam Ikatan Dokumen.

Peguam Syarie Pemiutang Penghakiman : Gambar ini baru diperolehi pagi ini dan tidak sempat difailkan.

Mahkamah : Saya akan putuskan kes ini sebagaimana saya maklum kepada pihak-pihak bahawa kes SPP di bawah seksyen 178 (3) sama ada Mahkamah arah bayar sekaligus atau ansuran sahaja.

Dalam siasatan untuk membuktikan kemampuan Penghutang Penghakiman (Perayu), Mahkamah berpendapat bahawa Pemiutang Penghakiman (Responden) juga perlu membawakan bukti bahawa Penghutang Penghakiman berkemampuan untuk membayar Hutang Dalam Penghakiman tersebut. Berdasarkan Nota

Keterangan dalam Rekod Rayuan halaman 17 dan 18, penghutang mendakwa bahawa setelah ditolak potongan pencen bagi nafkah anak (RM 750.00) dan potongan perumahan (RM 370.44) serta komitmen bagi perbelanjaan bulanan, pencennya hanya berbaki RM 36.25 sebulan. Namun, Mahkamah berpendapat bahawa pemiutang perlu membawakan lagi pembuktian yang kukuh sejurus setelah penghutang memberi keterangan bahawa penghutang masih berkemampuan untuk membayar Hutang Dalam Perkahwinan kepada pemiutang sama ada pembuktian wujudnya lain-lain pendapatan atau wujudnya simpanan berbentuk wang atau aset yang boleh dijual untuk membolehkan Penghutang Penghakiman (Perayu) membayar hutangnya. Dalam kes ini, pemiutang juga perlulah bersedia dengan pembuktian bahawa Penghutang Penghakiman ada sumber pendapatan lain seperti kedai pakaian milik isterinya atau bayaran masuk sewaan rumah serta apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa penghutang berkemampuan membayar Hutang Dalam Perkahwinan tersebut. Setelah dikemukakan bukti-bukti yang kukuh, barulah Hakim Bicara boleh membuat pertimbangan yang lebih baik bagi menentukan kemampuan sebenar Penghutang Penghakiman (Perayu). Mahkamah ingin menegaskan bahawa, matlamat utama pemeriksaan ialah untuk mencari jalan yang terbaik tentang cara manakah suatu penghakiman itu boleh dilaksanakan ke atas Penghutang Penghakiman.

Mengenai isu sewa rumah di Kg. Gertak Seratus, Mahkamah dapati bahawa tiada dibangkitkan oleh mana-mana pihak di dalam prosiding kes Saman Penghutang Penghakiman. Namun, ianya hanya dibangkitkan dalam penghujahan pihak-pihak. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku.

Seterusnya, **Alasan Rayuan bagi perenggan bernombor 2 (iv) dalam halaman 45 Rekod Rayuan** adalah berkaitan wang baki Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) (selepas ini akan disebut sebagai "**wang LTAT tersebut**"). Alasan Rayuan tersebut adalah sebagaimana di bawah:

- iv) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dengan membuat keputusan bahawa pihak Perayu masih mempunyai wang baki Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Mahkamah tidak meneliti secara mendalam perihal wang LTAT masih wujud atau tidak semasa keterangan pihak Perayu diambil sedangkan pihak Peguam Syarie pihak Perayu tidak mempunyai akses untuk bertanya secara mendalam semasa keterangan Perayu diambil.*

Berkaitan dengan **wang LTAT tersebut**, Mahkamah berpendapat bahawa Penghutang Penghakiman sendiri yang tidak menjelaskan dengan baik kepada Hakim Bicara tentang status baki wang tersebut. Penghutang Penghakiman sepatutnya melampirkan dokumen LTAT tersebut kepada Hakim Bicara agar perkara atau isu berkaitan dengan LTAT menjadi jelas. Namun, ianya gagal dikemukakan oleh kedua-dua pihak sama ada oleh penghutang dan pemiutang. Mahkamah berpendapat bahawa Pemiutang Penghakiman juga boleh membawakan bukti tersebut untuk diteliti oleh Hakim Bicara supaya kemampuan sebenar penghutang dapat diketahui dengan sebaiknya.

Bagi isu ini, Mahkamah juga merujuk kepada **Alasan Penghakiman Hakim Bicara dalam Rekod Rayuan pada halaman 31 dan 32, perenggan bernombor 23** yang menyatakan sebagaimana berikut:

[23] Walaupun berbakikan duit sebanyak RM 36.25 sebulan, PHP dalam keterangannya menawarkan untuk membayar tunggakan tersebut paling maksimum sebanyak RM 160.00 sebulan. Mahkamah mengambil peluang menayakan PHP berkaitan wang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sebagaimana yang dibangkitkan oleh PMP. PHP mengakui hal tersebut iaitu ada memperolehi ganjaran LTAT sebanyak RM 60,000.00. PHP memaklumkan bahawa sebanyak RM 14,000.00 telah dikeluarkan oleh pihaknya dan interest atau kadar faedah telah dikenakan sebanyak RM 37,000.00. PHP dalam keterangannya tidak menjawab kepada persoalan Mahkamah mengenai sebab kadar faedah yang tinggi dikenakan selain tidak menjawab jumlah baki wang LTAT yang ada.

Setelah meneliti Rekod Rayuan, Mahkamah berpendapat bahawa isu berkaitan pembuktian baki wang LTAT adalah kabur sehinggalah akhir pemeriksaan atau siasatan kemampuan Penghutang Penghakiman.

Seterusnya adalah **Alasan Rayuan pada perenggan bernombor 2 (vi), dalam Rekod Rayuan di halaman 45**. Perenggan bernombor 2 (vi) adalah sebagaimana berikut:

(vi) Tuan Hakim Bicara adalah khilaf dengan membuat keputusan tanpa mengira kesungguhan Perayu untuk menjelaskan wang tunggakan hutang perkahwinan sebanyak RM 80,000 kepada Responden dengan cara menjual rumah di Gertak Seratus, Kuala Besut.

Menurut penelitian Mahkamah, Penghutang Penghakiman (Perayu) sebenarnya langsung tidak menunjukkan tanda-tanda untuk membuat bayaran kepada Pemiutang Penghakiman (Responden) walaupun sedikit, bermula dari tarikh perintah kes **Hutang Dalam Perkahwinan** pada **20 Mac 20XX** serta **Perintah Kes Saman Penghutang Penghakiman** tersebut pada **18 Disember 20XX** sehinggalah proses rayuan bagi kes di hadapan Mahkamah ini berjalan.

Mahkamah merujuk kepada **Rekod Rayuan, halaman 12, baris ke-27 dan 28 serta halaman 17, baris ke-4 dan 5** yang merupakan **Nota Keterangan Hakim Bicara** bagi **Kes Saman Penghutang Penghakiman** tersebut. Dalam Nota Keterangan tersebut, Perayu ada mendakwa bahawa, *“pihak kami tawarkan cara bayaran dibuat secara jual rumah tersebut. Rumah milik PHP (perayu). Tempoh jual dalam tempoh 6 hingga setahun,”* dan *“Saya cadang hendak jual rumah di Kg Gertak Seratus. Sekarang saya hendak baiki rumah tersebut. Saya jumpa broker di Kuala Besut. Dia akan mencari mana-mana orang yang hendak membeli rumah.”* Berdasarkan kepada keterangan Perayu dalam **Kes Saman Penghutang Penghakiman** tersebut, Mahkamah beranggapan bahawa Perayu bersetuju untuk menjual rumah milik Perayu iaitu merujuk kepada rumah **di alamat Jalan Gertak Seratus, 22300 Kuala Besut, Terengganu** (selepas ini disebut sebagai **“Rumah di Gertak Seratus tersebut”**) bagi tujuan menyelesaikan hutang penghakimannya kepada Responden.

Mahkamah pula merujuk kepada **Jawapan Kepada Penghujahan Bertulis Responden** pada **halaman 2, perenggan bernombor 3** bertarikh **10 November 20XX**. Perayu ada mendakwa bahawa, *“...berserta dengan perbelanjaan ke atas baik pulih*

rumah di Gertak Seratus, Kuala Besut, Terengganu yang banyak dihabiskan dari segi kerosakan anai-anai, pemasangan grill, pintu, cat dan sebagainya.”

Tambahan pula, Mahkamah juga merujuk kepada **Jawapan Kepada Penghujahan Bertulis Responden pada halaman 2, perenggan bernombor 4**. Perayu dalam penghujahannya ada mendakwa bahawa, “*...sekarang rumah tersebut dalam proses untuk dinilai berdasarkan harga pasaran terkini oleh penilai berdaftar dan seterusnya membolehkan pihak Perayu membuat iklan apabila mendapat perincian lengkap mengenai rumah tersebut.*”

Mahkamah berpandangan bahawa Perayu dalam **Jawapan Kepada Penghujahan Bertulis Responden bertarikh 10 November 20XX** ada mendakwa untuk menjual **Rumah di Gertak Seratus tersebut** yang mana Perayu mendakwa bahawa rumah tersebut telah dibaikpulih dari segi kerosakan akibat anai-anai, pemasangan *gril*, pintu, cat dan sebagainya. Tambahan pula, Perayu turut mendakwa bahawa **Rumah di Gertak Seratus tersebut** dalam proses untuk dinilai berdasarkan harga pasaran terkini oleh penilai berdaftar.

Oleh sebab itu, berdasarkan dapatan di atas, Mahkamah mendapati, walaupun pemeriksaan kemampuan telah dilakukan oleh Hakim Bicara di dalam Kes Saman Penghutang Penghakiman terhadap kemampuan Penghutang Penghakiman, tetapi masih lagi terdapat ruang yang perlu diteliti oleh Hakim Bicara mengenai kemampuan dan sumber kewangan Penghutang Penghakiman yang perlu disemak oleh Hakim Bicara. Walau bagaimanapun, tanggungjawab tersebut bukanlah hanya

terletak pada Hakim Bicara sahaja, Pemiutang dan Penghutang Penghakiman perlulah juga memainkan peranan masing-masing dalam membuktikan kemampuan sebenar Penghutang Penghakiman untuk menyelesaikan bayaran Hutang Dalam Perkahwinan tersebut.

PERINTAH MAHKAMAH

Setelah Mahkamah meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan, Hujahan Bertulis Peguam Syarie Perayu, Hujahan Bertulis Peguam Syarie Responden, Jawapan kepada Hujahan Bertulis Peguam Syarie Responden, maka Mahkamah membuat keputusan sebagaimana berikut:

1. **SAYA SABIT** jumlah Hutang Dalam Perkahwinan Perayu kepada Responden adalah sebanyak RM 80,000.00.
2. **SAYA PERINTAHKAN** kepada Perayu untuk menjual sebuah rumah milik Perayu di alamat Jalan Gertak Seratus, 22300 Kuala Besut, Terengganu dalam tempoh masa lima (5) bulan dari tarikh perintah ini dan hasil jualan rumah tersebut hendaklah digunakan untuk menyelesaikan jumlah Hutang Dalam

Perkahwinan pihak-pihak sebanyak RM 80,000.00 secara sekaligus. Sekiranya jumlah jualan tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah hutang tersebut, **SAYA PERINTAH** Perayu untuk membayar secara ansuran sebanyak RM 500.00 setiap bulan kepada Responden berkuatkuasa dari 24 September 20XX sehingga selesai jumlah baki hutang tersebut.

3. **SAYA PERINTAH** kepada Perayu untuk membayar Hutang Dalam Perkahwinan tersebut secara ansuran sebanyak RM 1,500.00 setiap bulan kepada Responden sekiranya penjualan rumah di **di alamat Jalan Gertak Seratus, 22300 Kuala Besut, Terengganu** tidak berjaya dilakukan dalam masa lima (5) bulan tersebut, berkuatkuasa 24 September 20XX.

4. **SAYA PERINTAH** segala pembayaran oleh Perayu kepada Responden dibuat terus ke akaun Responden, LILIAH BINTI KOH KP: 444666-11-50XX sebagaimana berikut:

Nama : LILIAH BINTI KOH

Nama Bank : Malayan Banking Berhad

No. Akaun : 333444555666

5. **SAYA PERINTAH** bahawa Perintah Hakim Bicara Mahkamah Rendah Daerah Besut dalam Kes Permohonan No. : 11001-037-08XX-20XX bertarikh 18 Disember 20XX **diakas**.

6. **SAYA PERINTAH** kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, pada hari ini Rabu, 00 Syaaban 14XXH bersamaan 00 Mac 20XX.

METERAI

HAKIM